

TEKS UCAPAN

**PROFESOR DATUK DR. HAJAH
ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSOLOR UiTM**

**SEMPENA
SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI
UiTM CAWANGAN SELANGOR 2023**

16 MEI 2023 | SELASA | MASA

**DEWAN BERLIAN
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**[SALUTASI- KEMAS KINI BERDASARKAN
KEHADIRAN]**

- Serta Para pensyarah, pelajar dan hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam UiTM Dihatiku.**

1. Segala puji-pujian dan penuh kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, kerana dapat kita bersama-sama pada hari ini untuk memeriahkan **Majlis Jamuan Hari Raya UiTM Cawangan Selangor, 2023.**

2. Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada pihak UiTM Cawangan Selangor khususnya ahli jawatankuasa majlis yang telah memastikan kemeriahan majlis ini. Semoga dengan terlaksananya majlis sebegini, silaturrahim sesama kita, warga UiTM dapat dieratkan lagi.

3. Majlis Jamuan Hari Raya UiTM Cawangan Selangor

pada tahun ini dengan tema '**beraya di desa**', seperti bait-bait lagu 'Indahnya Beraya di Desa', dendangan Azlina Aziz.

4. Oleh itu, kita di sini diumpamakan menyambut Hari Raya dalam suasana desa bersama-sama warga UiTM dengan dihidangkan pelbagai juadah hari raya yang menarik.

Warga UiTM yang saya kasihi,

5. Aidilfitri yang kita raikan merupakan manifestasi kemenangan dan kegembiraan selepas berjuang melawan hawa nafsu sepanjang Ramadan yang mulia bagi meraih martabat taqwa.

6. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Unit Hal Ehwal Islam UCS dengan kerjasama bahagian-bahagian / jabatan-jabatan dan fakulti-fakulti

yang menjayakan sambutan Ihya' Ramadan peringkat UiTM Cawangan Selangor sepanjang Ramadan lalu.

6. Saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada mereka yang menghulurkan bantuan kewangan untuk Infaq Ihya' Ramadan, bagi mengimarahkan bulan penuh barakah. Tidak dilupakan juga rakan-rakan strategik UCS seperti pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), TRIpIc Berhad , BMES, PERWIRA Malaysia dan sebagainya.

Hadirin sekalian,

7. Ramadan dikenali sebagai bulan latihan atau "Madrasah Ramadan" bertujuan untuk melatih kita menjadi lebih baik dari segi fizikal dan spiritual. Oleh itu, sewajarnya kita menjadi insan yang lebih berintegriti,

berdisiplin, pemurah dan penyabar.

8. Saya berharap, seluruh keluarga UiTM dapat terus meningkatkan usaha untuk memajukan universiti, walaupun kita berada di dalam tahun-tahun yang mencabar.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Dalam kerendahan hati, ada ketinggian budi,

Dalam kemiskinan harta, ada kekayaan jiwa,

Dalam kelembutan lidah, ada keterlanjuran kata,

Dalam gurau dan senda, tentu ada khilaf dan dosa,

Pada kesempatan ini, saya mohon ampun dan maaf dan

Mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada
seluruh Keluarga UiTM, khususnya UiTM Cawangan

Selangor.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.